

01

PEMETAAN TANAH

BANGUNAN PEJABATUKUR LAMA

Pejabat Ukur FMS di persimpangan Java Street (Jalan Tun Perak) dan Jalan Raja. Simpang ini antara yang terawal di Kuala Lumpur yang dipasang dengan lampu isyarat trafik.

FMS Survey Office, at the corner of Java Street (Jalan Tun Perak) and Jalan Raja. This junction was among the first in Kuala Lumpur to be installed with a trafficlight.



ANM 20010041991

Bangunan yang tersergam indah ini telah siap dibina pada akhir Disember 1910 untuk menempatkan salah satu cawangan kerajaan yang terbesar iaitu Pejabat Ukur Negeri-negeri Melayu Bersekutu (FMS). Bentuknya memanjang dan tidak berapa lebar, tetapi ruangnya agak luas. Bagaimanapun, para pegawai Cawangan Trigonometri, iaitu pejabat yang pertama sekali menduduki bangunan ini, sering mengadu tentang bunyi bising dan habuk yang datang dari Java Street (Jalan Tun Perak), jauh berbeza dengan suasana tenang pejabat asal mereka di Taiping.

Direka bentuk oleh Arthur Benison Hubback, tradisi gaya seni bina Eklektik-Mughal yang bermula dengan Bangunan Sultan Abdul Samad diteruskan. Gerbang *cinquefoil* (motif daun berkelopak lima)

telah dipilih untuk membentuk ulangan corak pada fasadnya. Kubah oktagon kuprum menghiasi puncak menara di kedua-dua penjuru bangunan manakala kedua-dua gerbang masuk (di Jalan Tun Perak) dihias dengan *chatri* (astaka berkubah). Kerja-kerja pengubahsuaian sedikit sebanyak telah mengubah elemen-elemen ini tetapi ianya dapat dilihat dalam gambar-gambar lama.

Tanggungjawab utama Jabatan Ukur adalah melukis peta dan menentukan sempadan tanah. Sebuah cawangan topografi dan seksyen litografi gambar telah ditambah kemudian. Perkembangan jabatan ini dikaitkan dengan penubuhan FMS Railways (Kereta Api Negeri-negeri Melayu Bersekutu) pada tahun

1901 serta keperluan untuk menentukan sempadan tanah bagi ladang-ladang getah yang semakin bertambah.

Bangunan ini pernah diduduki oleh Mahkamah Seksyen dan Majistret Kuala Lumpur sebelum berpindah keluar pada tahun 2007 ke Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur di Jalan Tuanku Abdul Halim.

KL
dulu

MAPPING THE LAND

OLD SURVEY OFFICE BUILDING

This grandiose building, completed towards the end of December 1910, was constructed to house the Federated Malay States (FMS) Survey Office, one of the largest branches of government. Long and narrow, the building was spacious but the Trigonometrical Branch, which was the first to move in, had complaints about the noise and dust emanating from Java Street (Jalan Tun Perak), used as they were to the comparative quiet of Taiping.

Designed by Arthur Benison Hubback, the style continues in the Mughal-Eclectic tradition started with Bangunan Sultan Abdul Samad. The cinquefoil arch (five-leaved arch) was selected to make the repeating pattern on its façade. Octagonal copper domes decorate the tops of both the end towers while the two entranceways (along Jalan Tun Perak)

were topped by *chatri* (domed pavilion). Renovations have changed these features somewhat but they are visible in old photographs.

The Survey Department's prime responsibilities were mapmaking and delineating land boundaries. A topographical branch and a photo-lithographic section were added later. The department's expansion can be attributed to the formation of the FMS Railways in 1901 as well as the need to delineate land for the increasing number of rubber estates.

More recently, the building was occupied by the Kuala Lumpur Sessions and Magistrates' Courts until they moved out in 2007 to the Kuala Lumpur Courts Complex on Jalan Tuanku Abdul Halim.

The Survey Office in the far distance, seen from Java Street Bridge (Jalan TunPerak).

Pejabat Ukur di latar belakang, dilihat dari Jambatan Java Street (Jalan TunPerak).



02

MEMASTIKAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN

BANGUNAN DEWAN ORANG RAMAI & PEJABAT
SANITARY BOARD LAMA

Dipisahkan dari Bangunan Sultan Abdul Samad oleh Sungai Gombak, kompleks bangunan ini dahulunya menempatkan pejabat Sanitary Board dan juga Dewan Orang Ramai (Town Hall) yang setiap satunya mempunyai anjung masuk khas sendiri. Kedua-dua anjung tersebut mempunyai kubah besar di bahagian atas sementara sebuah tingkap unjur kecil di antaranya menampilkan perbandingan elemen yang menarik.

Sanitary Board telah ditubuhkan pada tahun 1890. Perlembagaannya digubal berdasarkan model perwakilan yang terdiri daripada ketua-ketua jabatan

selain personaliti berpengaruh di kalangan komuniti masing-masing. Sanitary Board bertanggungjawab ke atas penyelenggaraan jalan termasuklah pelupusan sampah, lampu dan saluran longkang; pentadbiran pasar; dan memastikan pembersihan dan pengecatan bangunan dilakukan oleh pemilik. Ia dinaik taraf sebagai Majlis Perbandaran Kuala Lumpur pada tahun 1948 dan seterusnya sebagai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) setelah bandar ini mencapai taraf bandar raya pada tahun 1972. Bangunan ibu pejabat DBKL hari ini terletak di Jalan Raja Laut.

Setelah menjalankan operasi di beberapa buah rumah kedai, bermula di Ampang Road (Jalan Ampang) dan kemudiannya di Batu Road (Jalan Tuanku Abdul Rahman), Sanitary Board berpindah ke bangunan ini pada tahun 1904. Pembinaan bangunan ini telah dipercepatkan agar majlis persaraan untuk Residen-Jeneral Sir William Treacher, dapat diadakan pada 8 September 1904. Pengisytiharan pembukaan Dewan Orang Ramai oleh Sir William pada hari tersebut diikuti dengan majlis tari-menari.

Dewan Orang Ramai memenuhi permintaan dan auditoriumnya yang besar digunakan dengan sebaiknya untuk pementasan teater. Pada tahun 1908 misalnya, sebanyak empat puluh buah majlis telah dianjurkan di sini. Dewan Orang Ramai tersebut telah diubahsuai sebagai Panggung Bandaraya yang dibuka pada tahun 2003.

Bangunan Dewan Orang Ramai dan Pejabat Sanitary Board Kuala Lumpur, direka bentuk oleh Arthur Benison Hubback.

Town Hall and Sanitary Board Office building, designed by Arthur Benison Hubback.



ANM 2001.0062919

KEEPING THE STREETS CLEAN

OLD TOWN HALL & SANITARY BOARD OFFICE BUILDING

Separated from the Sultan Abdul Samad Building by the Gombak River, this building complex housed the Sanitary Board offices and a Town Hall with each having its own entrance porch. Large bulbous domes rest on both porches while a small bay window in between provides an interesting contrast.

The Sanitary Board was established in 1890. Its constitution was based on a representation model; it consisted of heads of departments as well as influential men from within the different communities. The Sanitary Board was given the responsibility for street maintenance including garbage disposal, lighting and drainage; administering the markets; and ensuring compulsory cleansing and whitewashing of houses. It became the Kuala Lumpur Municipality in 1948 and, later, Kuala Lumpur City Hall (DBKL) after the city obtained city status in 1972. DBKL's headquarters is today located on Jalan Raja Laut.

Operating initially out of shop houses, first at Ampang Road (Jalan Ampang) and then Batu Road (Jalan Tuanku Abdul Rahman), the Sanitary Board moved into this building in October 1904. Completion of the building was rushed in order to hold a farewell ball on 8 September 1904 for Sir William Treacher, the departing Resident-General. Sir William declared the Town Hall officially opened



DBKL

just before the dancing commenced. The Town Hall served a want and its large auditorium was well used for theatrical performances; in 1908, for example, it saw forty events. The Town Hall was renovated into the City Hall Theatre (Panggung Bandaraya), opening in 2003.

The Town Hall & Sanitary Board building at the edge of Gombak Bridge was widely known among the locals as Sanitary Board, only that its pronunciation was Malay-nised to become 'Santaribut'.

Bangunan Dewan Orang Ramai & Sanitary Board di tepi Jambatan Gombak dahulunya dikenali sebagai Sanitary Board di kalangan orang tempatan, cuma sebutannya di-Melayukan menjadi 'Santaribut'.


03

DEWAN KEADILAN MAHKAMAH TINGGILAMA

Badan Kehakiman pada awalnya terletak di Court Hill (Bukit Mahkamah), di tapak Menara Maybank hari ini. Seorang Ketua Majistret telah dilantik pada tahun 1879, untuk melaksanakan prosiding mahkamah. Bangunan tersebut telah diperbesarkan pada tahun 1896 untuk memuatkan Mahkamah Tinggi dan sekali lagi pada tahun 1900 untuk memuatkan Mahkamah Agung. Namun begitu, ianya masih tidak dapat menampung kes-kes perundangan yang semakin bertambah. Sebuah lokasi baru dicari dan tapak ini telah dipilih. Tapak ini pada asalnya merupakan sebuah *Dhoby Green*, iaitu kawasan di mana pencuci pakaian menyidai kain setelah membasuhnya di sungai. Kesemua ini telah dialihkan dan sebuah bangunan mahkamah yang baharu siap dibina pada tahun 1915.

Bangunan yang direka dengan gaya Eklektik-Mughal ini seiras dengan bangunan-bangunan kerajaan di sekitarnya. Pintu masuk bangunan ini adalah dari pinggir sungai, membuka laluan ke sebuah laman dalaman (*courtyard*). Kedua-dua tingkat bangunan ini dilindungi daripada cahaya matahari oleh deretan gerbang. Terdapat menara berkubah di keempat-empat penjuru bangunan yang dahulunya mempunyai ruang minum petang. Dua buah bilik mahkamah yang luas ditempatkan di aras atas manakala bilik tahanan terletak di bahagian belakang aras bawah.

KL
dulu



Bangunan ini menempatkan Mahkamah Tinggi selepas Perang Dunia II dan telah diubahsuai sekitar tahun 1990-an untuk memuatkan Mahkamah Seksyen dan Mahkamah Majistret. Pada tahun 2007 mahkamah-mahkamah ini telah dipindahkan ke Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur di Jalan Tuanku Abdul Halim.

Mahkamah Tinggi lama, direka bentuk oleh Arthur Benison Hubback.

The old Supreme Court, designed by Arthur Benison Hubback.


HALL OF JUSTICE

OLD SUPREME COURT

The Judiciary was initially located on Court Hill, a location taken up today by Maybank Tower. A Chief Magistrate, appointed in 1879, presided over the courthouse, which was extended in 1896 to accommodate a High Court and again in 1900 for a Supreme Court. As the number of legal cases grew, the courthouse premises became inadequate. A new location was sought and this site was selected. The site was originally occupied by a Dhoby Green, where washer men hung clothes to dry after washing them in the river. These were cleared and the construction of the new courthouse building was completed in 1915.

The building was designed in the Mughal-Eclectic style, giving it an appearance similar to other government buildings surrounding it. Entrance was from the riverside, providing access to an inner courtyard. There are two floors, both shielded from direct sunlight by arcades of arches. All four corners of the building are provided with domed towers, which held private tiffin rooms. There were two spacious courts at the top floor while the back section of the ground floor held prison cells. The building housed the High Court after World War II and, in the 1990s, it was refurbished to house the

Sessions and Magistrates' Courts. These courts moved out in 2007 to the Kuala Lumpur Courts Complex on Jalan Tuanku Abdul Halim.



One of the courtrooms in the old Supreme Court.

Salah satu bilik mahkamah dalam bangunan Mahkamah Tinggilama.

DAHULU DI JAVA STREET

TAPAK BANGUNAN MALAY MAIL & WISMA BATIK

Java Street yang membahagikan kawasan utara dan selatan pusat bandar lama dahulunya dipenuhi dengan rumah-rumah atap yang dibina rapat-rapat. Ia dicatitkan sebagai sebuah kawasan kejiranan yang serba miskin dan berbahaya. Perkara ini berubah selepas jalan tersebut dihubungkan ke Batu Road (Jalan Tuanku Abdul Rahman) pada tahun 1890-an dan ke Embankment Road (Jalan Benteng) pada tahun 1900. Bermula dari situ, Java Street mula dihuni oleh tukang-tukang timah, kedai kain, dan emporium terkenal seperti Whiteaway Laidlaw & Co., Gian Singh & Co. dan Robinsons. Menyedari potensi pasaran untuk kraf tradisional, bangunan Malay Craft Centre (Pusat Kraf Melayu) telah dibina di kawasan dataran ini, menjual produk dari Kelantan dan Terengganu. Sebuah menara pejabat yang dikenali sebagai Wisma Batik kemudiannya dibina di tapak yang sama pada tahun 1976 untuk menampung pembesaran pusat kraf tersebut. Corak lantai di dataran ini menampilkan motif batik sebagai kenangan kepada Wisma Batik yang dirobohkan pada tahun 2014.

Di pinggir dataran ini dahulunya terdapat sederet rumah kedai yang dibina pada tahun 1905, menempatkan *Malay Mail*, sebuah syarikat akhbar yang diasaskan di Kuala Lumpur yang masih

bertahan hingga hari ini. Kilang percetakan *Malay Mail* terletak di tingkat bawah manakala pejabat mereka di tingkat atas, menjadikan kawasan Java Street di bahagian ini sebagai tumpuan wartawan-wartawan tempatan.

Java Street dinamakan semula sebagai Mountbatten Road pada tahun 1946, berkemungkinan besar sempena memperingati lawatan Laksamana Lord Mountbatten ke Kuala Lumpur pada tahun yang sama. Beliau merupakan cicit kepada Ratu Victoria, dan Panglima Tertinggi Tentera Bersekutu yang menerima penyerahan rasmi tentera Jepun di Singapura pada tahun 1945. Sebatang pokok bunga juga telah ditanam di Lake Gardens (Taman Botani Perdana) untuk memperingati lawatan beliau.

Jalan ini dikenali sebagai Jalan Tun Perak sejak tahun 1981. Penamaan jalan ini, sempena nama Bendahara Paduka Raja Tun Perak dari Kesultanan Melaka (berjawat 1456-1498), berkemungkinan besar berkaitan dengan kewujudan Jalan Melaka yang berdekatan.

Bangunan Wisma Batik di tapak ini dalam tahun 1976. Gambar ihsan Pertubuhan Akitek Malaysia.

The Wisma Batik building at this site in 1976. Photograph courtesy of Malaysian Institute of Architects.

“Di seberang kedai-kedai ini terletak sebuah tempat menunggu kereta kuda – ia seakan-akan hentian teksi zaman moden kecuali orang Jawa yang mengendalikan tempat menunggu tersebut memandu kereta kuda sebagai mata pencarian.”

B. A Skelchy, berkenaan Java Street dalam
*Down Memory Lane of
Kuala Lumpur of Yesteryears*



THE OLD JAVA STREET

SITE OF MALAY MAIL OFFICE & WISMA BATIK

A block of shop houses, one of which accommodated the Malay Mail office. The building was demolished in 2014 to make way for this square.

Sebuah blok rumah kedai yang mana salah satunya menempatkan pejabat Malay Mail. Bangunan tersebut dirobohkan pada tahun 2014 untuk memberi laluan kepada dataran ini.



TWENTIETH CENTURY IMPRESSIONS OF BRITISH MALAYA (1908)

Java Street, which divides the northern and southern sections of the old town centre, was occupied by attap shanties built close to one another and it was described in the early days as a slum and a dangerous neighbourhood. This changed after the road was extended to Batu Road in the 1890s and opened up to Embankment Road in 1900. From then onwards, Java Street was dotted with tin smiths, textile shops and famous emporiums such as Whiteaway Laidlaw & Co., Gian Singh & Co. and Robinsons. Realising that there was a market for traditional crafts, a Malay Craft Centre was built on the site of this open square, selling products from Kelantan and Terengganu. A high-rise building known as Wisma Batik was then built on the same spot to accommodate the expansion of the craft centre in 1976. The floor pattern at this square

resembles batik motifs in memory of Wisma Batik, which was demolished in 2014.

At the edge of this square was a row of shophouses built in 1905 that housed the Malay Mail, a Kuala Lumpur established newspaper that is still in operations today. They had their printing works on the ground floor and offices on the first floor, turning this section of Java Street into a meeting place for local journalists.

Java Street was renamed Mountbatten Road in 1946, most likely to commemorate Admiral Lord Mountbatten's visit to Kuala Lumpur the same year. The great-grandson of Queen Victoria, he was the Supreme Allied Commander who received the

Japanese surrender in Singapore in 1945. A flowering tree was also planted in Lake Gardens (Perdana Botanical Gardens) to mark his visit. The road has been known as Jalan Tun Perak since 1981, named after Bendahara Paduka Raja Tun Perak (1490-1498) possibly in relation to the existence of the nearby Jalan Melaka.

"Directly opposite these shops stood the 'buggy stand' – which perhaps could be likened to a modern-day taxi stand except that the Javanese who manned the stand drove the buggy for a living."

B. A Skelchy on Java Street in
Down Memory Lane of Kuala Lumpur of Yesteryears

MASJID DI TAPAK PERKUBURAN LAMA

MASJID JAMEK SULTAN ABDUL SAMAD

Pada mulanya, tapak Masjid Jamek Sultan Abdul Samad merupakan sebuah taman perkuburan bagi penduduk beragama Islam yang tinggal berhampiran, terutamanya dari Kampung Rawa dan Kampung Melayu yang dahulunya wujud di sekitar Jalan Tun Perak. Tarikh sebenar pembukaan tanah perkuburan itu tidak dapat dipastikan namun telahpun tercatat dalam lakaran peta Kuala Lumpur tahun 1870-an. Tanah perkuburan tersebut telah diwartakan pada 28 April 1893. Tulisan jawi pada beberapa batu nisan yang diperbuat daripada granit, batu pasir dan marmar mencatatkan tahun 1887-1892 (1305-1310 Hijrah). Penemuan sebuah batu nisan Aceh berbentuk bunga teratai pada tahun 2016 membuktikan kewujudan makam kerabat diraja atau pembesar yang pernah ada di perkuburan lama itu selain daripada sebuah kubur keramat.

Masjid yang terletak di celah-celah pencakar langit ini dahulunya merupakan masjid utama Kuala Lumpur sehinggalah Masjid Negara siap dibina. Ia merupakan bangunan masjid pertama di Kuala Lumpur yang berinspirasi gaya seni bina Mughal, senada dengan bangunan-bangunan kerajaan di sekitarnya. Ketika Perang Dunia II, kubah dan sebahagian dinding masjid ini pernah rosak teruk akibat terkena bom tentera Jepun semasa solat Jumaat yang

meragut nyawa tiga orang jemaah. Pada 23 Jun 2017, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj, telah berkenan menamakan semula masjid ini sebagai Masjid Jamek Sultan Abdul Samad.

Pemandangan kawasan perkuburan di pertemuan Sungai Gombak dan Sungai Klang dari belakang bangunan Sultan Abdul Samad sebelum Masjid Jamek dibina.

A view of the cemetery at the confluence of the Gombak and Klang rivers from the rear of the Sultan Abdul Samad building before the construction of Masjid Jamek.



MOSQUE ON AN OLD CEMETERY SITE

MASJID JAMEK SULTAN ABDUL SAMAD

The original courtyard at the entrance of Masjid Jamek, now roofed over. Photograph courtesy of MarianaIsa.

Ruang laman asal di pintu masuk Masjid Jamek, kini berbumbung. Gambar ihsan MarianaIsa.



Originally, the site of Masjid Jamek Sultan Abdul Samad was a cemetery for the local Muslims residing nearby, especially from Kampung Rawa and Kampung Melayu, all of which existed around the Jalan Tun Perak area. The actual date of the cemetery's establishment cannot be verified but it was already marked in an 1870s sketch map of Kuala Lumpur. This cemetery was then gazetted on 28 April 1893. The Jawi texts inscribed on several tombstones made from granite, sandstone and marble records the years 1887 to 1892 (1305 to 1310 Hijrah). There was also a grave of a holy person and the discovery of a water lily shaped Batu Aceh tombstone in 2016 showed the presence of graves belonging to royalties or nobles at the old cemetery.

This mosque, which now lies among skyscrapers, was once the main mosque for Kuala Lumpur until the construction of the National Mosque. It was the first mosque in Kuala Lumpur built in a Mughal-inspired style, similar to the nearby government buildings. In World War II, the dome and parts of the walls were badly damaged due to Japanese bombing during Friday prayers that also took three lives. On 23 June 2017, the Sultan of Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj, agreed to the mosque being renamed as Masjid Jamek Sultan Abdul Samad.

Lama sebelum Masjid Jamek siap dibina pada tahun 1909 sekurang-kurangnya sebuah masjid lain yang berdekatan telah pun wujud sejak tahun 1870-an di Java Street. Ianya dikenali sebagai Masjid Java Street sempena nama jalan tempat ia dibina, di lokasi bangunan Gian Singh lama di Jalan Tun Perak hari ini. Masjid Java Street dibina oleh Haji Samat, pemimpin masyarakat Minangkabau di Kuala Lumpur ketika itu. Anak beliau, Haji Taib (terdapat sebatang jalan di pusat bandar bersempena namanya), merupakan salah seorang ahli perniagaan yang terkaya pada zamannya.

Masjid tersebut dibina daripada kayu dengan bumbung atap berbentuk 'piramid' berlapis, bentuk lazim seni bina Melayu Nusantara. Bumbung tiga

lapis itu menirus ke atas membentuk 'piramid' dan di puncaknya terdapat penutup berukir yang dipanggil *mahkota atap*. Reka bentuk bumbung ini sangat sesuai untuk cuaca panas lembap kerana ia membolehkan pengudaraan semula jadi antara lapisan atap yang tinggi. Udara panas dari dalam masjid naik ke atas dan keluar di celah-celah atap nipah. Atap condongnya yang curam juga menyebabkan air hujan cepat mengalir turun di kesemua bahagian.

Pada tahun 1902, pelebaran Java Street telah melibatkan pengambilan tanah kawasan Masjid Java Street. Pihak pentadbir Masjid telah bersetuju dengan syarat sebuah masjid baharu dibina sebagai ganti. Maka dengan itu, pembinaan Masjid Jamek pun dirancang.

Sekumpulan qariah di hadapan Masjid Java Street di tapak ini, sekitar tahun 1880-an.

A group photograph of a congregation in front of the Java Street Mosque at this site, circa 1880s.



NUSANTARA-STYLED MOSQUE

SITE OF JAVA STREET MOSQUE

Long before Masjid Jamek was built in 1909, at least one other mosque was already constructed nearby in the 1870s on Java Street. It was named Java Street Mosque after the street it was located on, and sited where the old Gian Singh Building stands today on Jalan Tun Perak. The Java Street Mosque was built by Haji Samat, leader of the Minangkabau community in Kuala Lumpur at the time. His son, Haji Taib, who has a street named after him in town, was one of the richest businessmen during his time.

The mosque was built of timber with an attap roof in traditional multi-tiered pyramidal form typical of Nusantara Malay architectural style. The triple-layered pitched roof tapering to a pyramid-like apex was crowned with a simple carved finial or *mahkota atap*. This design is very suitable for the hot humid and rainy climate as it allows natural ventilation in between the high layers of roofing. Hot air in the mosque would rise and be dissipated among the thatched attap layers. The pitched roof also allowed rainwater to slide off quickly on all sides.

In 1902, the widening of Java Street involved the acquisition of Java Street Mosque's land. The elders of the mosque agreed to relocate provided a new mosque was built in return. Thus, the present-day Masjid Jamek was built.



Bangunan Gian Singh & Co. kelihatan di simpang Jalan Benteng dan Jalan Mountbatten (Jalan Tun Perak) pada tahun 1960-an.

The Gian Singh & Co. building can be seen at the junction of Embankment Road (Jalan Benteng) and Mountbatten Road (Jalan Tun Perak) in the 1960s.

DBKL



Banyak butiran seni bina menarik boleh dilihat pada bangunan ala Eropah ini. Walaupun paras bumbungnya sama, bangunan ini sebenarnya terdiri daripada beberapa bahagian yang dibina oleh pemilik-pemilik yang berlainan namun melengkapinya gaya seni bina masing-masing dengan baik. Jika diperhatikan dengan teliti, reka bentuk butirannya menggabungkan pelbagai pengaruh Eropah (Inggeris, Belanda) serta motif bulan sabit dan bintang Islam. Blok yang menghadap Leboh Ampang dahulunya dimiliki oleh Tan Jit Cheu, blok tengah oleh Loke Yew dan bahagian kanan sekali oleh Rasoolbhoy Alibhoy yang dikatakan saudagar kain tertua di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (FMS) semasa hayatnya.

Pada tahun 1921, bahagian paling kanan telah ditambah kepada blok milik Rasoolbhoy. Di sinilah letaknya gedung Gian Singh & Co., perniagaan tekstil yang berkembang menjadi sebuah emporium terkemuka di Tanah Melayu. Gian Singh, Prem Singh, Arjan Singh dan rakan kongsi mereka yang lain memulakan perniagaan mereka di Java Street (Jalan Tun Perak) pada tahun 1914 sebelum berpindah ke Batu Road (Jalan Tuanku Abdul Rahman), tetapi kembali ke alamat ini tidak lama kemudian. Syarikat ini menawarkan perkhidmatan menjahit dan produk-produk fesyen bermutu seperti kain, topi, pakaian lelaki dan wanita. Di sini pelanggan akan menemui pelbagai barang jualan seperti sutera dan kapas, sari India, kain linen, permaidani dan selimut, tali pinggang dan butang, pengilat kasut, tali leher, barang kemas dan kimono.

Gian Singh & Co. dahulunya merupakan pesaing besar kepada emporium British, Whiteaway Laidlaw, yang terletak di jalan yang sama (di tapak Bangunan OCBC sekarang). Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra adalah salah seorang pelanggan terhormatnya. Sebuah cawangan telah dibuka oleh Hardial Singh dan Balwant Singh di Singapura pada tahun 1935/36.

A WELL-KNOWN STORE THE OLD GIAN SINGH & CO. BUILDING

Mountbatten Road (Jalan Tun Perak) in 1945. The Gian Singh & Co. building seen on the right.

Mounbatten Road (Jalan Tun Perak) pada tahun 1945. Bangunan Gian Singh & Co. kelihatan di sebelah kanan.

ANN 20110016445



A wealth of architectural details is found on this European-style building. While a generally common roof level gives a related semblance, the block actually consists of sections built by different owners but complementing each other fairly well. A careful observation reveals a complex mix of detailing that blends various European (English, Dutch) with even Islamic crescent and star motif influences. The block facing Leboh Ampang was owned by Tan Jit Cheu, the central section by Loke Yew and the right-hand section by Rasoolbhoy Alibhoy, purportedly the oldest textile merchant in FMS during his lifetime.

In 1921, the extreme right section was added to Rasoolbhoy's block. Located here was Gian Singh & Co, a prominent textile trader that grew to become a leading Malayan departmental store. Gian Singh, Prem Singh, Arjan Singh and his partners had set

up his business in Java Street in 1914 and moved to Batu Road briefly before returning to this address. The company was primarily known for offering tailoring services and quality fashion products such as textiles, millinery, women and men's wear. Here, one would find a variety of fancy silks and cottons, saris, colourful linens, rugs and blankets, fancy buckles and buttons, shoe polish, neckties, jewellery and kimonos.

Gian Singh & Co. was in direct competition with the British departmental store, Whiteway Laidlaw, which was located on the same street (site of OCBC Bank today). Prime Minister Tunku Abdul Rahman was amongst one of Gian Singh & Co.'s esteemed customers. A branch was opened in Singapore in 1935/36 by Hardial Singh and Balwant Singh.

08

TERTINGGI DI KL 1932-1951

BANGUNAN ORIENTALLAMA

Bangunan Oriental Lama kelihatan dari jambatan Leboh Pasar Besar sebelum Stesen LRT Masjid Jamek dibina.

The Old Oriental Building as seen from the Leboh Pasar Besar bridge before the Masjid Jamek LRT Station was constructed.



DBKL

Bangunan Oriental bergaya Art Deco ini telah dirasmikan oleh Residen British Selangor, T.S. Adam, pada 29 Disember 1932. Ia dibina sebagai ibu pejabat Syarikat Oriental Government Security Life Assurance yang berpusat di Bombay (Mumbai), ditubuhkan pada tahun 1874. Cawangan di Kuala Lumpur diasaskan pada tahun 1903 apabila S.S. Ramalingam, kelahiran Ceylon (Sri Lanka), meninggalkan perkhidmatan awam Kerajaan Selangor untuk menceburi bidang insurans.

Pada ketinggian 82 kaki, Bangunan Oriental merupakan binaan yang tertinggi dan paling moden di Kuala Lumpur pada waktu itu - menunjukkan betapa besar dan teguhnya syarikat tersebut biarpun ketika itu dunia sedang dilanda Zaman Kemelesetan Ekonomi (1929-1939). Sebahagian besar kemas

dalamannya diimport - jubin dindingnya dari England manakala jubin lantainya pula dari Itali. Walau bagaimanapun, lepaan kelabu dan plaster putihnya merupakan bahan buatan tangan menggunakan campuran batu-batu kecil dan simen tempatan.

Fasad melengkung bangunan ini mempamerkan lingkaran motif daun jeruju pratuang di bahagian tengah. Butiran Art Deco di bahagian bawah fasadnya tidak sebanyak bahagian atas, dan dibarisi tiang dengan bukaan melengkung yang direka sebagai laluan kaki lima awam yang terlindung. Aras bawahnya dahulu diduduki kedai-kedai dan gudang, sementara dua buah 'menara' yang mengapit bangunan ini menempatkan ruang pengawal dan tukang cuci. Ibu pejabat Syarikat Oriental Government Security Life Assurance ketika itu

menghuni tingkat tiga.

Bangunan ini pernah dikenali sebagai Bangunan Radio Malaya kerana menempatkan pejabat Radio Malaya antara tahun 1951 ke 1956. Apabila diambil alih oleh Bank Bumiputra, ia dirujuk untuk beberapa ketika sebagai Bangunan Bank Bumiputra.

KL
dulu

KL'S TALLEST 1932-1951 OLD ORIENTAL BUILDING

The Oriental Building was designed by Arthur Oakley Coltman of Booty, Edwards & Partners who also designed other Art Deco gems in Kuala Lumpur such as the Old Odeon Theatre and the Rubber Research Institute (RRI) on Jalan Ampang.

Bangunan Oriental direka bentuk oleh Arthur Oakley Coltman daripada firma Booty, Edwards & Partners, turut mereka bangunan Art Deco lain di Kuala Lumpur seperti panggung Odeon lama dan Institut Penyelidikan Getah (RRI) di Jalan Ampang.



DBKL

The opening ceremony of this Art Deco-styled Oriental Building was officiated by the British Resident of Selangor, T.S. Adams, on 29 December 1932. It was built as the headquarters of the Oriental Government Security Life Assurance Company, a Bombay (Mumbai) based firm established in 1874. Its Kuala Lumpur branch came into being in 1903, when Ceylon (Sri Lanka) born S.S. Ramalingam, left the Selangor government service to venture into insurance.

At 82 feet, the Oriental Building was the tallest and most modern in Kuala Lumpur, an indication of the company's magnitude despite being built at the height of the Great Depression (1929-1939). Most of the interior finishing are imported – its wall tiles from England and floor tiles from Italy. However, its grey and white plaster was made by hand from small

stones and cement sourced locally.

The building's curved frontage displays a border of precast acanthus leaves around its central feature. The lower part of the building, somewhat less Art Deco than the upper, is colonnaded with rusticated arched openings designed to human scale as a protected *kaki lima* (five-foot) walkway for the public. The ground floor included shops and godowns while the two towers flanking the building each housed the watchman and the sweeper. The Oriental Government Security Life Assurance Company occupied the third floor. The building housed Radio Malaya between 1951 and 1956, hence it was also known as Bangunan Radio Malaya. It later housed Bank Bumiputra and was for a while referred to by many as Bangunan Bank Bumiputra.

Blok rumah-rumah kedai bertentangan bangunan lama Gian Singh & Co. di Jalan Tun Perak hingga deretan di Leboh Ampang pada suatu masa dahulu digelar sebagai 'Kedai Kain Bombay' memandangkan deretan itu didominasi oleh saudagar-saudagar dari Bombay (Mumbai) yang kebanyakannya menjual kain. Antara saudagar kain sedemikian adalah Kadarbhoy, berasal dari Utara India, yang menjalankan perniagaannya di Bangunan Rasull.

Bangunan Neo-Klasikal ini dibina sekitar tahun 1910-an dan mempunyai angka 786 dalam tulisan Arab pada *pediment* fasadnya. Nombor tersebut melambangkan nilai berangka ayat permulaan dalam Al-Quran yakni *Bismillah ir-Rahman ir-Rahim* (dengan nama Allah yang maha Pemurah lagi maha Mengasihani). Orang Muslim di India dan Pakistan menggunakan nombor ini untuk mengelak dari menulis ayat suci di atas kertas biasa. Angka 786 juga biasanya dipamerkan di kebanyakan restoran India Muslim di Malaysia.

786

RASULL BUILDING

The block of shop houses opposite the Old Gian Singh & Co. Building on Jalan Tun Perak up to the row at Leboh Ampang was once popularly known as 'Kedai Kain Bombay' or 'Bombay Cloth Row', as the stretch was dominated by merchants from Bombay (Mumbai) who sold mainly textiles. One such textile merchant was Kadarbhoy, from North India, who operated his business at the Rasull Building.

This Neo-Classical building, built around the 1910s, has the numerals 786 in Arabic script on its pediment. The number depicts the numerical value of the opening phrase of the Quran, *Bismillah ir-Rahman ir-Rahim* (*in the name of Allah the most Merciful, the most Beneficent*). Muslims in Pakistan and India use the number to avoid writing the holy verse on ordinary papers. 786 is commonly displayed in a number of Indian Muslim eateries in the country.

Dalam tahun 1850-an, kawasan antara Leboh Ampang dan Sungai Klang menempatkan sebuah kolam ikan (*tobek*) yang dimiliki oleh Sutan Puasa, salah seorang pemimpin masyarakat Mandailing. Kawasan sekitarnya bermula sebagai sebuah petempatan yang dikenali sebagai Kampong Rawa. Apabila bandar ini berkembang, Leboh Ampang menjadi kawasan kediaman masyarakat Chettiar yang berasal dari Chettinad di Tamil Nadu, India. Secara tradisional mereka terlibat dalam urusan peminjaman wang dan mereka berperanan penting di peringkat awal sektor ‘perbankan’ dan kewangan di bandar ini, namun akhirnya semakin berkurangan akibat saingan yang muncul daripada penubuhan syarikat-syarikat perbankan moden dan dasar kawalan yang diperkenalkan oleh kerajaan. Kebanyakan bahagian dalaman rumah-rumah kedai di sini mengekalkan pelantar yang biasanya mengapit kedua-dua belah dewan utama sebuah *kittangi* (gudang) di mana Chettiar menjalankan urus niaga mereka. Penduduk setempat menggelar jalan ini sebagai *Chetty Theru* dalam bahasa Tamil, yang bermaksud ‘Lorong Ceti’.

Golongan Chettiar Kuala Lumpur berhimpun di Kuil Sri Thandayuthapani di Jalan Sultan Azlan Shah. Mereka merayakan pesta Panguni Uthiram setiap tahun yang disambut dengan mengedarkan

KL
dulu



Leboh Ampang sekitar tahun 1990-an.
Leboh Ampang circa 1990s.

BADAN WARISANMALAYSIA

makanan kepada ribuan orang, tidak mengira kasta, warna atau kepercayaan. Pada masa lalu, perarakan pedati perak yang membawa patung Dewa Subrahmanya akan diadakan di antara kawasan ini (Leboh Ampang) dan Kuil Sri Thandayuthapani semasa perayaan tersebut.

“Golongan Chettiar dahulunya sering mengenakan pakaian kebiasaan orang India – dengan *veshti* atau *dhoti*, kemeja, kain tuala *angavastram* tersangkut pada bahu dan tanda calit agama di dahi. Masyarakat ini sudah lama berakar umbi di Kuala Lumpur dan masih kuat disini.”

Datuk Abdul Rasull bin Abdul Razak,
Abdul Razak Jewellers Sdn Bhd

CHETTY LANE

LEBOH AMPANG



Leboh Ampang during a flood in 1971. Photograph courtesy of the Sundaram family.

Leboh Ampang ketika dinaiki air pada tahun 1971. Gambar ihsan keluarga Sundaram.

“The Chettiars were dressed in typical Indian attire – with a *veshti* or a *dhoti*, a shirt, an *angavastram* towel over the shoulder and a religious mark on the forehead. The community has long planted their roots here in Kuala Lumpur and it remains strong.”

Datuk Abdul Rasull bin Abdul Razak,
Abdul Razak Jewellers Sdn Bhd

In the 1850s, the area between Leboh Ampang and the Klang River was a fish pond (*tobek*) that belonged to Sutan Puasa, a leader of the Mandailing community. The surrounding area began as a settlement known as Kampong Rawa. As the city developed, Ampang Street (Leboh Ampang) became a residential area for the Chettiar community, who originated from Chettinad in Tamil Nadu. Traditionally associated with the moneylending profession, they played a major role in the early banking and finance sector of the town but were later phased out with growing competition that came with the establishment of modern banking corporations and the regulatory policies introduced by the government. Some interiors of the shop houses here retain the raised platforms that typically flank both sides of the main hall of a *kittangi*, literally a warehouse, in which the Chettiars carried out their businesses. The locals dubbed this row as *Chetty Theru* in Tamil, which means ‘Chetty Lane’. The Chettiars of Kuala Lumpur congregate at the Sri Thandayuthapani Temple at Jalan Sultan Azlan Shah. They observe the Panguni Uthiram festival annually, which is celebrated by feeding thousands, irrespective of caste, colour and creed. In the past, a silver chariot procession carrying the image of Lord Subrahmanya took place between this area (Leboh Ampang) and the Sri Thandayuthapani Temple during the festival.

TAPAK BENTUK SEGITIGA

TAPAK BALAI BOMBA PUSAT LAMA

Kawasan berbentuk segi tiga ini pada asalnya ingin dijadikan kediaman sementara bagi Residen British Selangor, Bloomfield Douglas. Sultan Abdul Samad sendiri telah memacak tiang penanda di sini dalam satu upacara semasa lawatan pertama baginda ke Kuala Lumpur pada bulan Mei 1879. Bagaimanapun Douglas menolak dan sebaliknya membina Resideni beliau di atas bukit. Bangunan Resideni tersebut masih ada hingga hari ini sebagai Memorial Tunku Abdul Rahman.

Pada tahun 1883, Kapten Henry Franklin Bellamy, Penguasa Jabatan Kerja Raya Selangor, telah menubuhkan Pasukan Bomba Selangor secara

sukarela. Dengan kekuatan 15 sukarelawan, ia merupakan pasukan bomba pertama di Selangor – titik tolak kepada Bomba Malaysia hari ini. Bangunan ibu pejabat kedua mereka dibina di tapak hentian bas di hadapan Bangunan Ming. Di peringkat awal, dengan sebuah kereta bomba berenjin pam yang ditarik oleh kuda, ia dianggap sebagai institusi yang terpenting di bandar ini memandangkan kebakaran kerap berlaku. Dikendalikan oleh sukarelawan, pasukan ini hanya diletakkan di bawah penyeliaan seorang Penguasa sepenuh masa pada tahun 1920, yang pertamanya C. Towle. Menjelang tahun 1936, pasukan tersebut dilengkapi dengan peralatan moden dan dianggotai oleh 25 orang yang tinggal

di kuarters sekitar balai bomba di tapak ini, dan memadamkan tidak kurang dari tiga kebakaran seminggu.

Balai bomba pusat tersebut dirobohkan pada tahun 1956 dan pasukannya dipindahkan ke Shaw Road (Jalan Hang Tuah) untuk memberi laluan kepada pembesaran jalan dan sebuah tempat letak kereta terbuka. Penduduk setempat yang kerap ke sini pada sekitar tahun 1990-an menggelar kawasan ini sebagai 'Bus Stand Pulau' kerana terdapat hentian bas di tengah-tengah jalan.

Peta menunjukkan lokasi Balai Bomba Pusat Kuala Lumpur (warna merah jambu).

This map marks the location of the Kuala Lumpur Central Fire Station (in pink).



THE TRIANGULAR SITE OLD CENTRAL FIRE STATION SITE

A group of firemen in front of the old Kuala Lumpur Central Fire Station that was at the junction of Jalan Melaka - Jalan Gereja.

Sekumpulan ahli Bomba di hadapan Balai Bomba Pusat Kuala Lumpur lama yang dahulunya terletak di simpang Jalan Melaka-Jalan Gereja.



ANN 201001117

This triangular plot of land was initially intended as the temporary Residency of the British Resident of Selangor, Bloomfield Douglas. Sultan Abdul Samad even placed the building's first pole here in a ceremony during his first visit to Kuala Lumpur in May 1879. Douglas however objected and instead built his Residency on the hill where it still stands today as the Tunku Abdul Rahman Memorial.

In 1883, Captain Henry Franklin Bellamy, the Superintendent of Selangor Public Works Department, voluntarily formed the Selangor Fire Brigade. With 15 volunteers, it was the first Fire Brigade in Selangor - the predecessor to Bomba Malaysia. Their second headquarters was located on the site of the bus stop in front of the Ming Building. Initially having a single fire engine with a steam

pump drawn by horse, it was considered the most important institution in town due to frequent fires. Manned by volunteers, it was only put in charge of a full time Superintendent in 1920, the first being C. Towle. By 1936, the brigade was equipped with modern facilities and staffed with 25 men who lived in quarters within the brigade station compound in this area, putting down not fewer than three fires a week.

The central fire station was demolished in 1956 and moved to Shaw Road (Jalan Hang Tuah) to make way for road widening and an open-air car park. Locals frequenting the area in the 1990s refer to this spot as *Bus Stand Pulau* (Island Bus Stand) in reference to the isolated bus stop in the middle of the road.

12

JALAN MELAKA

TAPAK STESEN BAS JALAN MELAKA & MENARA BUMIPUTRA LAMA

Malacca Street (Jalan Melaka), salah satu jalan terawal di Kuala Lumpur, dahulunya menuju ke kawasan petempatan di tebing Sungai Klang yang dikenali sebagai Kampung Melaka. Sejumlah besar penduduknya berhimpun di Masjid Kampung Melaka di mana terletaknya Masjid India pada hari ini. Tapak sub-stesen TNB hari ini di persimpangan Jalan Melaka dan Jalan Gereja dahulunya menempatkan Gereja Tamil Methodist Episcopal yang dibina pada tahun 1897. Gereja tersebut berpindah ke lokasinya sekarang di Brickfields pada tahun 1961.

Gerai-gerai pasar bertapak di kawasan ini di penghujung tahun 1880-an hingga awal 1940-an, sebelum ianya diubah menjadi pusat pengangkutan awam terbuka yang dikenali sebagai Stesen Bas Jalan Melaka. Stesen bas tersebut telah digantikan dengan sebuah bangunan unik, Menara Bumiputra. Ianya menggabungkan pencakar langit moden setinggi 34 tingkat dengan podium hadapan dalam gaya seni bina Melayu Pantai Timur bersama butiran atap *pemeleh* di hujungnya yang dimodenkan. Dinding podium terdiri daripada marmar berwarna perang, mewakili seni bina perkayuan Melayu; corak dinding meniru motif ukiran panel yang dikenali sebagai *janda berhias*. Penyatuan reka bentuk berciri tradisional Melayu ke dalam penggunaan bangunan

yang moden telah melayakkan bangunan ini sebagai calon Anugerah Seni Bina Aga Khan yang berprestij, menjadikan ia sebuah mercu tanda.

Bangunan ini asalnya dibina sebagai ibu pejabat kepada Bank Bumiputra, yang kini bertukar menjadi CIMB Bank dan telah berpindah ke premis yang lain. Sebuah bank yang berdasarkan perbankan Islam iaitu Bank Muamalat, ditubuhkan pada tahun 1999, menduduki bangunan ini hingga sekarang.

“Dulu *company* bas ada macam-macam. Bas merah - bas Len Seng pergi Setapak, Foh Hup pergi Kajang, Tong Fong dan Sri Jaya ke sekitar KL. Tambang, ada dalam 20 sen.”

Rajindeerjit Singh, Cheras, mengingati perkhidmatan bas lama - ada yang dinaiki dari Stesen Bas Jalan Melaka.

Pemandangan di Jalan Melaka, sebelum Menara Bumiputra lama dibina.

A view of Jalan Melaka prior to the construction of Menara Bumiputra.



KL
dulu

MALACCA STREET

MALACCA STREET BUS STATION SITE & THE OLD BUMIPUTRA TOWER


Malacca Street, one of the earliest streets in Kuala Lumpur, led to a settlement by the Klang River known as Kampung Malacca. A large number of its early residents congregated at Kampung Malacca Mosque where Masjid India stands today. At the junction of Jalan Melaka and Jalan Gereja, where the present TNB sub-station stands, was the Tamil Methodist Episcopal Church, built in 1897. The church moved to its current site in Brickfields in 1961. Market stalls filled this site in the late 1880s until the early 1940s, before it was turned into an open-air public transport

hub known as the Malacca Street Bus Station. The bus station was replaced by this unique building, Menara Bumiputra. It combines a modern 34-storey skyscraper with an eye-catching Malay architectural style front podium, specifically of the East Coast form with a typical *pemeleh* roof gable end that is somewhat modernised and simplified. The podium walls are of brown-coloured marble cladding mimicking Malay timber architecture; its wall pattern replicates the carved panel design known as *janda berhias*. Its bold incorporation of traditional Malay

design in modern functional usage brought the building a nomination for the prestigious Aga Khan Award for Architecture, making it a landmark.

The building was originally built as the headquarters of the then Bank Bumiputra, which later evolved into today's CIMB Bank and moved into other premises. A related full-fledged Islamic banking entity emerged in 1999 as Bank Muamalat that has occupied the building until the present.

DBKL



"There used to be so many bus companies. The red Len Seng bus went to Setapak. Foh Hup went to Kajang, Tong Fong and Sri Jaya rides are within KL. The fare could be around 20 cents."

Rajinderjit Singh, Cheras,
recalling bus services in town, some boarded
from the Malacca Street Bus Station

The Melaka Street Bus Station at this site, 1960s.

Stesen Bas Jalan Melaka di tapak ini dahulu, tahun 1960-an.

SIMBOL KEYAKINAN

BANGUNAN CHARTERED BANK LAMA

Asalnya dikenali sebagai Chartered Bank of India, Australia & China, Chartered Bank adalah cawangan bank yang pertama di Kuala Lumpur, dibuka pada tahun 1888 di Jalan Raja. Sebagai bank utama kerajaan, ia merupakan bank terbesar di negara ini sehinggalah tertubuhnya Bank Negara Malaysia pada tahun 1959. Hasrat Chartered Bank untuk memperbesarkan premis mereka di Jalan Raja mendapat halangan daripada majlis tempatan pada tahun 1949. Maka itu, tapak bangunan lama mereka di Jalan Ampang ini dibeli pada tahun 1960.

Bangunan 14 tingkat ini dirasmikan oleh Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman pada 25 Februari 1965. Ia merupakan satu pernyataan seni bina sebagai bangunan yang pertama mempunyai pengadang cahaya aluminium hitam dan ruang terbuka di aras bawah yang lengkap dengan empat kaunter tingkap pandu lalu. Ketika dibuka, dewan perbankan utama di aras satu menampilkan mural aluminium setinggi 46 kaki yang mengagumkan, karya artis Singapura V. M. Hoisington dan sebuah arca aluminium logo bank setinggi 14 kaki oleh pengukir Inggeris, Geoffrey Colley. Chartered Bank di Malaysia dikenali sebagai Standard Chartered Bank sejak ianya bergabung dengan Standard Bank pada tahun 1969.

Pandangan udara ke arah bangunan Chartered Bank lama di Jalan Ampang, direka oleh firma arkitek Booty, Edwards & Partners menggunakan kemasan dinding konkrit *off-form*. Petempatan lama Kampung Melaka kelihatan di sekitar Masjid India dan Kampung Semarang di latar belakang sepanjang Jalan Raja Laut yang sedang dibina pada 15 April 1967.




A SYMBOL OF CONFIDENCE OLD CHARTERED BANK BUILDING

Originally known as the Chartered Bank of India, Australia & China, the Chartered Bank was the first bank to open a branch in Kuala Lumpur in 1888 at Jalan Raja. Being the government's principal banker, the Chartered Bank was the biggest bank in the country until the Central Bank of Malaysia was formed in 1959. The bank's intention to expand their Jalan Raja premises was restricted by the local council in 1949, hence the eventual purchase of this Jalan Ampang site in 1960.

Prime Minister Tunku Abdul Rahman officiated the opening of this 14-storey building on 25 February 1965. It was an architectural statement piece, being the first to feature black aluminium sun breakers and an open ground floor with four drive-in banking windows. The main banking hall on the first floor featured an impressive 46-foot aluminium mural by Singapore artist V. M. Hoisington and a 14-foot high aluminium crest based on the bank's coat of arms by an English sculptor, Geoffrey Colley.

The Chartered Bank in Malaysia has been known as Standard Chartered Bank since its merger with Standard Bank in 1969.



An aerial view of the old Chartered Bank Building at Jalan Ampang, designed by architectural firm Booty, Edwards & Partners in off-form concrete finish. The old Kampung Melaka settlement can be seen around Masjid India and Kampung Semarang in the background along Jalan Raja Laut, which was under construction on 15 April 1967.

DUA BANGUNAN NEO-KLASIKAL

PEJABAT LAMA TAMIL NESAN DAN BANGUNAN
PERSATUAN TEO CHEW SELANGOR & WILAYAH
PERSEKUTUAN

Suatu masa dahulu, rumah kedai tiga tingkat dalam gaya Neo-Klasikal di seberang jalan yang mempamerkan angka '1934' di bahagian *pediment* merupakan pejabat *Tamil Nesan*, akhbar harian Tamil tempatan yang pertama kali diterbitkan pada 24 September 1924. Diasaskan oleh Penyunting pertamanya, Narasima Aiyangar, edisi 8 muka surat tersebut pada awalnya dijual pada harga 8 sen. Bermula tahun 1928, *Tamil Nesan* menerbitkan akhbar mingguan bahasa Inggeris di bawah nama *The Indian Pioneers*. Setelah berpindah ke Batu Caves, penerbitan akhbar ini diteruskan sehingga 1 Februari 2019. Rumah kedai ini unik kerana siling tingkat bawahnya lebih tinggi dari yang lain di bandar ini, direka untuk menempatkan pedati perak Dewa Murugan sebelum ianya dipindahkan ke Kuil

Sri Maha Mariamman. Trek yang menjadi laluan pedati tersebut masih dapat dilihat pada permukaan kaki limanya.

Bangunan bertingkat unjur bersebelahan pejabat *Tamil Nesan* lama ini adalah ibu pejabat Persatuan Teo Chew Selangor & Kuala Lumpur. Persatuan ini, yang pada awalnya beribu pejabat di High Street (Jalan Tun H.S. Lee), diasaskan pada tahun 1891 untuk komuniti Teo Chew yang rata-ratanya terlibat dalam perniagaan makanan bijirin, perikanan, arak dan keperluan harian. Bangunan ini dikenali sebagai Pejabat Awam Ba Yi; Ba Yi merujuk kepada lapan daerah di timur Wilayah Guangdong, tempat asal orang Teo Chew. Persatuan ini ditubuhkan untuk menggalakkan kerjasama antara ahli yang

berketurunan sama dan menyatukan mereka di bawah satu sistem sokongan. Selain itu, Persatuan ini memainkan peranan sebagai orang tengah dalam menyelesaikan sebarang pertikaian di kalangan ahli dan menyumbang kepada tujuanamal.

TWO NEO-CLASSICAL BUILDINGS

OLD TAMIL NESAN OFFICE & THE SELANGOR & FEDERAL TERRITORY TEO CHEW ASSOCIATION BUILDING

The three-storey Neo-Classical shop house across the road with '1934' embossed on its pediment was once the office of *Tamil Nesan*, a local Tamil daily first published on 24 September 1924. Founded by its first Editor, Narasima Aiyangar, the 8-page issue was initially sold at 8 cents. From 1928, *Tamil Nesan* ran an English weekly supplement under the name the *Indian Pioneers*. After relocating its office to Batu Caves, the *Tamil Nesan* newspaper continued to be published until 1 February 2019. This shop house is unique as its ground floor's ceiling height is higher than the rest in the city, designed to accommodate Lord Murugan's silver chariot before the chariot was moved to Sri Maha Mariamman Temple. The tracks that guided the chariot are still visible on the floor of its 5-foot walkway.

The building with bay windows next to the old *Tamil Nesan* Office is the headquarters of the Selangor & Kuala Lumpur Teo Chew Association. The Association, initially located on High Street (Jalan Tun H.S. Lee), was established in 1891 for members of the Teo Chew community who were largely involved in trades related to grain foods, fishery, winery, and general provisions. It was called the Ba Yi Public Office; Ba Yi refers to the eight counties in eastern Guangdong Province from where the Teo Chew group originated. This Association was set up to promote the relationship between members of common ancestral origin and unite them through a common support system. Other undertakings include resolving disputes within its community and contributing towards charitable causes.

The Selangor & Kuala Lumpur Teo Chew Association building. The Association also founded the Puay Chai School in Petaling Jaya.

Bangunan Persatuan Teo Chew Selangor & Kuala Lumpur. Persatuan ini juga telah menubuhkan Sekolah Puay Chai di Petaling Jaya.




Sebelum tapak bangunan bergaya Art Deco tiga tingkat ini dibangunkan, ia adalah sebahagian daripada sebuah kawasan petempatan di pinggir Sungai Klang. Reka bentuk fasad hadapan bangunan ini dibahagi tiga dan saiz tingkapnya berskala manusia, tidak seperti bangunan Modernist lain yang selalunya menggunakan jalur tingkap memanjang. Ia juga mempunyai anjung masuk separa bulat di bahagian kiri, tersorok dari pandangan jalan. Dinding di bahagian kanannya juga berbentuk bulat. Bangunan ini dikenali sebagai Bangunan Marischal setelah siap dibina dan dinamakan semula sebagai Chartered Bank Chambers pada tahun 1956 setelah diambil alih oleh cawangan Chartered Bank of India, Australia & China. Antara syarikat yang pernah membuka operasi di bangunan ini ialah The Federal Dispensary Ltd. dan firma arkitek Booty Edwards & Partners sekitar tahun 1950-an, Klinik Dispensary Young & Newton dan Amanah Raya Berhad (ARB) - syarikat pentadbiran pemegang amanah utama Malaysia.

MODERNIST CHARM

OLD MARISCHAL BUILDING

Before the site of this three-storey late and light Art Deco style building was developed, it was part of a settlement situated along the banks of the Klang River. The design of the building's front facade is divided into three with windows of human scale, unlike the Modernist style that uses long unbroken strip windows. It also has a semi-rounded roof entrance porch to the left side, slightly hidden from street view. The right-hand side also has rounded walls. It was known as the Marischal Building when it was completed, and was re-designated as Chartered Bank Chambers in 1956 after it was taken over by a branch of the Chartered Bank of Australia, India & China. Other companies known to have also occupied part of the premises are The Federal Dispensary Ltd. and the Booty, Edwards & Partners architectural firm in the 1950s, Young & Newton Dispensary Clinic and Amanah Raya Berhad (ARB) - Malaysia's premier trustee-administration company.



Bangunan Marischal/Chartered Bank Chambers pada tahun 1967.

The Marischal Building/Chartered Bank Chambers in 1967.

16

RUMAH KEDAI MELENGKUNG

BANGUNAN PERSATUAN ENG CHOON KUALA LUMPUR

Rumah kedai tiga tingkat berbentuk melengkung di seberang jalan telah dibina oleh Persatuan Eng Choo Kuala Lumpur yang diasaskan pada tahun 1920-an oleh komuniti Cina yang berasal dari Quanzhou (dahulunya Chinchew) di Wilayah Fujian. Lembaga Pengarah persatuan ini telah ditubuhkan pada tahun 1929. Persatuan ini pada mulanya beroperasi dari sebuah rumah kedai di Hokkien Street (kini telah tiada) di Old Market Square (Medan Pasar) sebelum berpindah ke sini. Kebanyakan orang Eng Choon dahulunya terlibat dalam industri perlombongan timah dan getah selain daripada perniagaan tekstil dan barangan runcit.

A CURVED SHOPHOUSE

KUALA LUMPUR ENG CHOON ASSOCIATION BUILDING

The 3-storey curved shop house across the road was built by the Kuala Lumpur Eng Choon Association, established in the 1920s by the Chinese in Kuala Lumpur whose ancestral origin lie in Quanzhou (formerly Chinchew) in the Fujian Province. Its first Board of Directors was formed in 1929. Initially, the Association operated from a shop house on Hokkien Street (now expunged) at Old Market Square (Medan Pasar) before moving to this location. The Eng Choons back then were mainly involved in the tin-mining and rubber industries, besides textiles and sundry goods businesses.

CENTRE FOR MALAYSIAN CHINESE STUDIES



A group photograph taken during the opening ceremony of the Eng Choon Association building in 1931.

Sebuah gambar berkumpulan yang diambil sempena pembukaan bangunan Persatuan Eng Choon pada tahun 1931.

17

TERTINGGI DI KL 1965-1970

BANGUNAN AIA LAMA

Kelihatan Bangunan AIA lama lengkap dengan pengadang matahari asal yang kini telah diubahsuai.

The old AIA building is visible with its original sun hoods, which have since been altered.



DBKL

Pada tahun 1959, di bawah pelan strategik American International Assurance (AIA) di negara ini, sebidang tanah seluas 3.5 ekar telah dibeli daripada juara tenis tempatan, Gladys Chua Sin Kah, cucu Loke Yew. Bangunan mercu tanda AIA yang baharu telah dibina di atas tapak rumah keluarga beliau – dua buah rumah agam di lereng Bukit Nanas.

Dirasmikan oleh Tunku Abdul Rahman pada 15 Februari 1965, Bangunan AIA mempunyai 18 tingkat blok pejabat dengan corak kekisi luaran seakan sarang lebah, sebuah rumah *penthouse*, arked membeli-belah dan ruang tempat letak kereta bertingkat di atas podium yang boleh memuatkan 220 kereta. Apabila ianya mula beroperasi, pusat membeli-belah tersebut disewa oleh syarikat penerbangan serta

perkapalan, agensi-agensy pelancongan, cawangan bank, pejabat pos, kedai cenderahati serta pelbagai kedai barangan yang lain. Salah satu penyewa yang berpengaruh ialah galeri Balai Ampang - antara yang terawal memupuk bakat penggiat seni tempatan. Pada tahun 1970-an, tingkat 9 telah menempatkan Pejabat Konsul Kedutaan Amerika Syarikat, pejabat Kedutaan Swedendan juga pejabat AIA.

Bangunan ini merupakan yang tertinggi di Kuala Lumpur sehingga tahun 1970.

KL'S TALLEST 1965-1970

OLD AIA BUILDING

In 1959, under American International Assurance's expansion plans in the country, a 3.5-acre land was purchased from local tennis champion Gladys Chua Sin Kah, granddaughter of businessman Loke Yew. AIA's new landmark building was constructed over the site of her family home - two mansions which sat on the hillside of Bukit Nanas.

Launched by Prime Minister Tunku Abdul Rahman on 15 February 1965, the AIA Building featured an 18-storey office block with a honeycomb exterior, a penthouse, an adjoining shopping arcade and a raised car park above the shopping centre for 220 cars. When it first opened, the shopping centre accommodated airline and shipping offices, travel agencies, bank branches, a post office, souvenir and other shops. One significant tenant was an art gallery known as Balai Ampang, which was one of the earliest to nurture local artists. In the 1970s, the 9th floor housed the US Embassy Consulate Office, the Swedish embassy and the AIA office.

This building stood as the tallest in Kuala Lumpur until 1970.



JPM 245932

An exhibition by John Lee at Balai Ampang on 18 July 1966.

Suatu pameran oleh John Lee di Balai Ampang pada 18 Julai 1966.

Dua buah tiang bata ini merupakan sebahagian daripada struktur pagar yang wujud suatu ketika dahulu, dipercayai sebuah laluan menuju ke arah sebuah tangga naik ke Convent Bukit Nanas atau mungkin ke rumah agam Alan Loke. Pagar ini bagaimanapun telah lama ditutup dan strukturnya dikekalkan sebagai rekod sejarah kawasan ini.

AN OLD SHORT CUT

REMNANTS OF A GATE

These two brick pillars were part of a fence structure that existed quite a while ago. It is thought that the fence opened a path towards a staircase that went up either to Convent Bukit Nanas or perhaps to Alan Loke's mansion. The fence has long been closed off, its structure preserved today as a historical record of the area.

Gambar yang diambil pada 22 September 1964 menunjukkan tinggalan struktur pagar ini yang sudah pun ditutup ketika itu. Kelihatan pelajar Convent Bukit Nanas menuruni tangga dan keluar dari pintu tangga melintas Jalan Ampang. Bangunan AIA lama kelihatan di latar belakang.

This photograph was taken on 22 September 1964. It shows remnants of the old gate structure, already closed off then. Students from Convent Bukit Nanas can be seen coming down the staircase access and crossing Jalan Ampang. The old AIA building is visible in the background.



19

SEBUAH PEJABAT MODEN

BANGUNAN LAMA SIMEDARBY



Bangunan Sime Darby & Co. Ltd., di Jalan Ampang telah dibina oleh Jabatan Kejuruteraan Sime Darby. Bangunan ini pernah digunakan oleh Kolej RIMA pada tahun 1990-an. Gambar ini dirakam pada tahun 1954.

Sime Darby & Co. telah ditubuhkan di Melaka pada tahun 1910 sebagai sebuah agensi ladang getah dan kemudiannya meneroka industri kayu, bahan pengawet dan juga insurans kenderaan. Pejabat cawangan mereka yang pertama di Kuala Lumpur telah ditubuhkan pada tahun 1930 di No. 89 High Street (Jalan Tun H.S. Lee). Bangunan di seberang jalan di hadapan anda merupakan bangunan ibu pejabat Sime Darby & Co. yang kedua di Kuala Lumpur, dirasmikan oleh Presiden Perbandaran Kuala Lumpur, A.D. York, pada 8 Ogos 1954. Direka oleh firma arkitek Booty, Edwards & Partners, kemasan luar menara lifnya menggunakan batu kapur *snecked rubble* berbentuk segi empat yang diperolehi dari Batu Caves. Ibu pejabat Sime Darby telah dipindahkan ke Wisma Sime Darby di Jalan Sultan Ismail pada tahun 1985.

A MODERN OFFICE

OLD SIME DARBY BUILDING



The Sime Darby & Co. Ltd. building at Jalan Ampang was constructed by Sime Darby's Engineering Department. This building was once used by RIMA College in the 1990s. This photo dates to 1954.

Sime Darby & Co. was founded in Melaka in 1910 as agents for rubber plantations and they later diversified into timber, preservatives and motor insurance. Their first branch office in Kuala Lumpur was established in 1930 at No. 89 High Street (Jalan Tun H.S. Lee). The building in front you, across the street, is the second headquarters of the company in Kuala Lumpur, opened by the President of Kuala Lumpur Municipal, A.D. York, on 8 August 1954. Designed by the Booty, Edwards & Partners architectural firm, the building's lift tower is faced externally with square-necked rubble masonry of limestone from Batu Caves. Sime Darby's headquarters was relocated to Wisma Sime Darby at Jalan Sultan Ismail in 1985.

DALAM GAYA MODEN

BANGUNAN LAMA SYARIKAT SOUTH ENGINEERS LTD.
DAN SYARIKAT HARRISONS, BARKER & CO. LTD.

Dua bangunan moden yang mendampingi jambatan Jalan Dang Wangi merupakan mercu tanda bangunan gaya moden di Jalan Ampang.

Bangunan berbentuk melengkung di sebelah kiri anda adalah Bangunan South lama, siap dibina pada tahun 1954 sebagai ibu pejabat syarikat South Engineers Ltd. Premis awal mereka terletak di Batu Road (Jalan Tuanku Abdul Rahman). Syarikat South Engineers memulakan operasinya pada tahun 1946 sebagai Syarikat South Motor yang mempunyai kepakaran dalam bidang pembinaan bas persiaran,

perdagangan kenderaan serta perkhidmatan menambah baik pembinaan rangka bas. Pada tahun 1947, mereka menubuhkan jabatan pembinaan pagar dan mendapat komisen untuk membina pagar di sekeliling King's House (Seri Negara) dan Ibu Pejabat Persekutuan Polis di Kuala Lumpur. Pembukaan ibu pejabat ini berlangsung pada hari ulang tahun mereka yang ke-8.

Bangunan tiga tingkat di sebelah kanan anda direka bentuk oleh firma arkitek Booty, Edwards & Co. untuk pedagang getah, syarikat Harrisons, Barker

& Co. Ltd. Bangunan ini merupakan struktur yang termoden di ibu negara apabila siap dibina pada tahun 1938. Ia berbentuk segi tiga berbucu bulat dan mempunyai halaman dalaman berbentuk segi tiga di bahagian tengah. Penggunaan *feathercrete* iaitu penebat papak berongga di bahagian atas bumbung merupakan yang pertama di Kuala Lumpur.



Bangunan South Building di Jalan Ampang, lewat tahun 1960-an.

The South Building on Jalan Ampang in the late 1960s.

IN MODERN STYLE

THE OLD SOUTH ENGINEERS LTD. AND HARRISONS, BARKER & CO. LTD. BUILDINGS

The two modern buildings flanking the Jalan Dang Wangi Bridge are significant Modern-style landmarks at Jalan Ampang.

The curved building to your left is the old South Building, completed in 1954 as the headquarters of South Engineers Ltd. Their premises were earlier located at Batu Road (Jalan Tuanku Abdul Rahman). South Engineers Ltd. started in 1946 as the South Motor Company specialising in coach building and the motor trade as well as carrying out improvements in general bus body construction. In 1947, they opened a fencing department and they were commissioned to erect fencing around the King's House and the Federation Police Headquarters in Kuala Lumpur. The opening of their headquarters here coincided with the firm's eighth anniversary.

The 3-storey building to your right was designed by architectural firm Booty Edwards & Partners for rubber traders Harrisons, Barker & Co. Ltd. It was considered the most modern structure in the capital when completed in 1938, resembling a triangle with a rounded apex and an open triangular court in the centre. The use of *feathercrete*, which are insulating hollow slabs on the roof, was the first for Kuala Lumpur.



The Harrisons, Barker & Co. Ltd. building, taken over later by Harrisons & Crossfield. The building's design is reminiscent of a ship's front deck and captain's bridge. Photograph courtesy of Pertubuhan Akitek Malaysia.

Bangunan Harrisons, Barker & Co. Ltd. yang kemudian telah diambil alih oleh syarikat Harrisons & Crossfield. Reka bentuk bangunan ini seakan dek hadapan dan anjung kapal. Gambar ihsan Pertubuhan Akitek Malaysia.

HUTAN TENGAH BANDAR

HUTAN SIMPAN BUKIT NANAS

Pemandangan dari padang perkhemahan Bukit Nanas sekarang ke arah pusat bandar. Kelihatan bumbung atap genting Convent Bukit Nanas dan Bangunan AIA Lama berwarna hitam di belakangnya. Kereta kabel dari Jalan Ampang adalah sebuah kerusi angkat dua tempat duduk yang bergerak perlahan untuk mengangkut para pengunjung.

The view from the camping grounds of Bukit Nanas today, overlooking the city centre. The rooftop tiles of Convent Bukit Nanas and the old AIA Building, in black, at the back of the Convent, can be seen in the photograph. The cable cars from Jalan Ampang was a slow moving chairlift transporting tourists on double chairs.



DBKL

Anda sedang berjalan di pinggir hutan simpanan tertua di negara ini. Hutan ini telah diwartakan pada tahun 1904 sebagai Hutan Simpan Bukit Nanas dan pada awalnya turut dirujuk sebagai Hutan Simpan Bukit Weld kerana ia bersempadan dengan Ladang Bukit Weld lama di bahagian belakang.

Penduduk tempatan serta pegawai British sering berburu di hutan ini pada tahun 1880-an dan pemburu yang cekap dikatakan jarang gagal menangkap babi hutan. Orang ramai pernah menceritakan kewujudan harimau dan harimau kumbang yang menjadikan monyet, ayam dan anjing di hutan ini sebagai makanan mereka. Seekor tapir juga pernah ditangkap di hutan ini pada tahun 1930-an. Keriuhan panggilan antara kumpulan-kumpulan monyet dan

kera masih boleh didengari pada waktu awal pagi. Pada masa dahulu, penduduk kawasan sekitar sering merungut kerana mereka tidak pernah mendapat peluang untuk menuai hasil pokok buah-buahan mereka kerana dibawa lari oleh monyet-monyet terlebih dahulu.

Hutan simpan ini telah diwartakan sebagai sebuah kawasan perlindungan burung pada tahun 1934. Tekanan pembangunan telah menelan kawasan pinggir hutan simpan ini, mengurangkan saiz asalnya daripada 17.5 hektar kepada 9.3 hektar. Pada tahun 1953, sebahagian dari Bukit Nanas telah diratakan dan tanahnya telah digunakan untuk membina Jalan Yap Kwan Seng, Jalan Brickfields dan Jalan Davidson.

Sebuah perkhidmatan kereta kabel iaitu sebahagian daripada kemudahan Kompleks Pelancongan Bukit Nanas telah dibuka pada 1 Februari 1973 sempena hari Wilayah Persekutuan. Ramai yang masih mengingati rombongan pengunjung ke Bukit Nanas untuk menaiki kereta kabel itu sehingga ke puncaknya pada ketinggian 300 kaki. Pada hari ini, hutan simpan ini dikenali sebagai Taman Eko-Rimba Kuala Lumpur.

A JUNGLE IN THE CITY

BUKIT NANAS FOREST RESERVE



DBKL

This photograph shows Dataran Merdeka in the foreground while the lush Bukit Nanas Forest Reserve can be seen in the background.

Gambar ini menunjukkan Dataran Merdeka di latar hadapan manakala Hutan Simpan Bukit Nanas yang menghijau dapat dilihat di latar belakang.

You are walking along the edge of the oldest forest reserve in the country, gazetted in 1904 as the Bukit Nanas Forest Reserve, previously also referred to as the Weld Hill Forest Reserve as it bordered the old Weld Hill Estate on its other side.

The locals and British officers alike used to hunt here in the 1880s and skilled hunters seldom failed to bag a boar. There are descriptions of tigers and panthers lurking in this jungle, living on monkeys, fowls and dogs. A tapir was even caught here in the 1930s. Large parties of monkeys and apes can still be heard calling each other in the early mornings. Back in the day, residents within the vicinity used to complain that they could never enjoy any fruits from their trees as the monkeys always got to them first. The forest

reserve was made a Wildlife Reserve Sanctuary for Birds in 1934. Development pressures have eaten up its fringes reducing its original 17.5 hectares to 9.3 hectares today. In 1953, a part of the hill was levelled and the soil was used to build Jalan Yap Kwan Seng, Jalan Brickfields and Jalan Davidson.

A cable car service, part of the old Bukit Nanas Tourist Complex, was opened on 1 February 1973 in conjunction with Federal Day. Many still remember Bukit Nanas being flocked by visitors going for a ride to its highest point at 300 feet. The forest reserve is known today as Kuala Lumpur Eco Forest Park.

Kedaaan bekas terowong yang ditemui pada tahun 2014. Gambar ihsan Faisal Dato' Hj. Surani.

Condition of the abandoned tunnel after being discovered in 2014. Photograph courtesy of Faisal Dato' Hj. Surani



Terowong merupakan salah satu strategi peperangan orang Melayu pada masa dahulu. Ia berperanan sebagai laluan keluar-masuk dan melarikan diri, jalan pintas ke kubu atau istana dan laluan serang hendap terhadap musuh. Di samping itu, terowong juga berperanan sebagai stor penyimpanan senjata serta peluru, bahan-bahan bernilai seperti timah dan besi, harta benda berharga dan makanan.

Sewaktu kerja-kerja pembaikan cerun dijalankan pada tahun 2014, dipercayai sebuah terowong ditemui secara tidak sengaja di lereng bukit berhadapan dengan Jejantas LRT Dang Wangi. Berkedudukan lebih tinggi dan lebih panjang daripada Terowong Bukit Nanas, ianya seakan selari dengan Jalan Ampang.

Tiga lubang besar yang ditemui di bahagian tepi cerun bukit berkenaan kelihatan seperti bekas tunggul pokok yang tercabut, namun saiznya besar dan dalam. Bentuk lubang tersebut yang memanjang dan susunannya yang selari di antara satu sama lain menunjukkan seolah-olah ianya bersambung. Ini memberi gambaran kemungkinan wujudnya sebuah terowong di bawah lubang-lubang berkenaan.

Secara kasar, bekas laluan terowong ini mungkin bermula dari pengkalan atau kubu Sutan Puasa di tapak SRK St. John sekarang, dan menghala ke arah kedudukan Terowong Bukit Nanas atau kemungkinan juga ke arah pondok pengawal Mandailing yang dipercayai terletak bersebelahan dengan tapak stesen kereta kabel lama. Atas sebab-sebab

keselamatan, terowong yang ditemui ini terpaksa ditimbus kerana keadaannya yang berbahaya dan tahap pergerakan tanah runtuh yang serius.

THE LOST TUNNEL

SITE OF JALAN AMPANG TUNNEL

The tunnel-like form as discovered in 2014. Photograph courtesy of Faisal Dato' Hj. Surani.

Bentuk lubang yang dipercayai sebahagian daripada sebuah terowong ketika ditemui pada tahun 2014. Gambar ihsan Faisal Dato' Hj. Surani.



The Malays used tunnels as one of their battle strategies in the past. It served to provide safe passage, an escape route, a shortcut to forts or palaces, and a hidden passage to ambush enemies. Tunnels also functioned as warehouses for storing weapons, ammunition and valuable items such as steel, copper, valuable assets and foodstock.

One such tunnel was accidentally discovered at the hill slope opposite the Dang Wangi LRT Bridge in 2014 when a slope-strengthening project was being carried out. The tunnel was longer and located higher than the Bukit Nanas Tunnel, appearing to run parallel with Jalan Ampang. Three large shafts discovered at this hill slope appeared to look as if a tree stump had been removed; the shafts were

large and deep. The shafts were long and arranged parallel to one another, indicating they may have been connected. This led to the conclusion that there may have been a tunnel underneath the shafts.

The tunnel may have started from the base camp or the fort of Sutan Puasa, located at the current site of SRK St. John, and led towards the Bukit Nanas Tunnel or possibly towards the security guard post of the Mandailings, believed to be next to the old cable-car station site. For safety reasons, this tunnel had to be filled in due to its steepness and the possibility of recurring landslides.

Pada tahun 1867 sewaktu meletusnya Perang Klang (Perang Saudara Selangor), orang-orang Mandailing yang diketuai oleh Raja Asal @ Ja Asai telah membina kubu di Bukit Gombak sebagai benteng mereka yang terakhir. Selain kubu, Ja Asai juga telah membina kediamannya, Bagas Godang, di puncak Bukit Gombak. Untuk mengukuhkan pertahanan, kumpulan Mandailing ini telah menanam pokok-pokok nanas di sekitar Bukit Gombak (sehingga bukit ini dikenali Bukit Nanas) serta mengorek beberapa buah terowong rahsia sebagai strategi peperangan.

Terowong ini telah ditemui secara tidak sengaja pada akhir bulan Jun 2014 sewaktu kerja-kerja pembaikan cerun akibat tanah runtuh. Ketika ditemui, dinding terowong disaluti dengan jelaga

hitam, iaitu kesan asap daripada api jamung yang digunakan pada zaman dahulu untuk menerangi laluan. Lantai terowong juga dipenuhi dengan tanah pasir berwarna hitam.

Seperti terowong di Kota Raja Mahdi di Klang dan Kota Malawati di Kuala Selangor, terowong ini terletak di kawasan bukit, bersebelahan sungai dan berhampiran dengan kota atau kubu utama. Teknik korekannya dilihat sama seperti Terowong Kota Raja Mahdi di Klang, tetapi ketinggian dan keluasan Terowong Bukit Nanas ini lebih kecil. Kedudukan terowong ini yang tersembunyi di kaki bukit, di dalam hutan dan menghala ke Sungai Klang serta tiada disebut dalam catatan sejarah, menunjukkan ia adalah sebuah laluan rahsia.

Keadaan pintu masuk Terowong Bukit Nanas pada 17 Julai 2014. Gambar ihsan Faisal Dato' Hj. Surani.

The entrance of the Bukit Nanas Tunnel on 17 July 2014. Photograph courtesy of Faisal Dato' Hj. Surani.



Berdasarkan potongan tanah, ciri geografi persekitaran, peta lama dan gambar satelit, bahagian terowong yang ditemui ini hanyalah penghujungnya sahaja. Hasil usaha penyelidik Persatuan Sejarah Malaysia, Faisal Dato' Haji Surani, bersama pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Warisan Negara dan Pertubuhan IKRAM Malaysia, maka terowong ini berjaya diselamatkan sebagai warisan sebagaimana yang dapat dilihat hari ini.

MYSTERIOUS TUNNEL

THE BUKIT NANASTUNNEL

In the year 1867, during the Klang War (Selangor Civil War), the Mandailings, led by Raja Asal @ Ja Asai, had constructed a fortress in Bukit Gombak as their final bastion. Aside from the fortress, Ja Asai had also constructed his living quarters, Bagas Godang, at the hilltop of Bukit Gombak. In order to strengthen their defences, the Mandailings planted pineapples around Bukit Gombak (hence receiving the name Bukit Nanas, which means Pineapple Hill) and dug several secret tunnels as a war strategy.

This tunnel was accidentally discovered at the end of June 2014 when hill slope repair works were conducted after a landslide. At the time of discovery, the walls of the tunnel were coated with soot, which was caused by smoke from fire-torches used to light the way. The ground surface of the tunnel was also covered with black-coloured sand.

Similar to the tunnel at Raja Mahdi Fort in Klang and Malawati Fort in Kuala Selangor, this tunnel is located in a hill close to a river and near a town or main fort. The technique used to dig the tunnel was the same as that for the Raja Mahdi Fort Tunnel in Klang. However, it is of smaller size based on its height and width. The location of this hidden tunnel at the foot

of the hill and leading towards Klang River is not mentioned in any historical records indicating that it was a secret path.

Based on the land, its geographical environment, old maps and satellite images, this section appears to be the end of the tunnel. Through the efforts of a Malaysian Historical Society researcher, Faisal Dato' Haji Surani, along with Kuala Lumpur City Hall (DBKL), Forestry Department Peninsular Malaysia (JPSM), Department of National Heritage Malaysia (JWN) and IKRAM Association Malaysia, the tunnel was saved as a heritage site and it remains untouched today.

The tunnel path with its twists and turns revealed that this tunnel was dug to move towards another location or to connect with another tunnel. The photograph shows the Director of DBKL's Civil Engineering and Irrigation Department, Tan Keng Chok, examining the tunnel on 7 August 2014. Photograph courtesy of Faisal Dato' Hj. Surani.

Laluan terowong yang berbelok-belok menggambarkan terowong ini dikorek menuju ke arah satu tempat atau untuk bersambung dengan terowong lain. Gambar menunjukkan Pengarah Jabatan Kejuruteraan Awam dan Pengairan DBKL, Tan Keng Chok, di dalam terowong pada 7 Ogos 2014. Gambar ihsan daripada Faisal Dato' Hj. Surani.

